

124

NO. SOALAN: 454

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10434

SOALAN:

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :

(a) adakah pihak yang mencero boh sebuah dobi "*self service*" di Gombak sepertimana yang tular di halaman sosial telah ditangkap dan didakwa; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang mewajibkan mana-mana pengusaha dobi "*self service*" menyediakan pengawal keselamatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menjawab soalan (a), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan berkaitan laporan polis Gombak/8325/2017 bertarikh 1 Ogos 2017 melibatkan kejadian samun yang berlaku di kedai dobi, Fasa 8, Taman Sri Gombak, Selangor. Pengadu bersama anak dan suami telah disamun oleh 3 orang lelaki bersenjatakan parang.

PDRM telah menangkap 3 orang lelaki di mana seorang dijadikan saksi pendakwaan manakala 2 orang lagi suspek telah diambil tindakan di bawah POCA.

Bagi menjawab soalan (b), Kementerian belum bercadang untuk mewajibkan mana-mana pengusaha dobi layan diri menyediakan pengawal keselamatan. Namun, Kementerian amat mengalu-alukan pengusaha dobi atau perniagaan lain mengambil langkah sewajarnya bagi menjamin keselamatan pengguna di premis perniagaan mereka.